

18/01/2003

Politik Sabah diselimuti kemelut berterusan

Lichong Angkui

BELUM reda cerita mengenai hutang Kerajaan Sabah berjumlah lebih RM1 bilion yang didedahkan Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, ketika menutup kalendar 2002, pentas politik Sabah digegarkan pula dengan kenyataan Ketua Pemuda Umno Sabah, Tawfiq Abu Bakar Titingan, yang menjadi pembuka tirai kontroversi tahun baru 2003.

Dua cerita itu bertali arus menghiasi laporan akhbar tempatan Sabah sepanjang 17 hari pertama tahun ini, sekali gus menghangatkan suasana awal tahun yang pada kebiasaannya sepi dan longlai.

Anehnya, kedua-dua isu membabitkan kepentingan politik kepartian yang dilihat kebanyakan penganalisis berkait rapat dengan soal penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Itulah hakikat lautan politik Sabah hari ini - ada gelora di dasarnya walaupun pada permukaannya kelihatan tenang.

Ucapan berterus-terang Chong pada majlis Malam Penghargaan 28 Disember lalu bahawa hutang kerajaan itu berpunca daripada perbelanjaan tidak berhemat, menjadi topik hangat perbualan umum selama berhari-hari.

Tambah mengejutkan apabila Chong secara khusus menyatakan hutang itu berlaku di antara 1996 dan 1997, sekali gus dilihat oleh pemerhati politik sebagai menuding jari kepada Datuk Yong Teck Lee yang menjadi Ketua Menteri menerusi sistem penggiliran pada tempoh berkenaan (1996-1998).

Malah, Chong menghuraikan satu-persatu masalah yang membawa kepada tanggungan beban kerajaan, termasuk skim penswastan yang gagal, pemeteraian perjanjian berat sebelah yang meragukan serta kontrak mahal bernilai ratusan juta ringgit.

Tidak lupa, beliau menceritakan mengenai kejayaan yang dicapai sepanjang 21 bulan lalu dan halangan yang ditempuhinya serta harapan kepada pentadbir selepas dirinya dengan ingatan 'tidak membenarkan kesilapan yang dilakukan pentadbir terdahulu berulang'.

Pemerhati politik mengakui kenyataan Chong itu tentunya pedas, justeru tidak hairan jika ada yang bertanya rasional dan tujuan sebenar di sebaliknya pendedahan berkenaan.

Umum mengetahui bahawa Chong kini 'menghitung hari' (sebagaimana lagu Kris Dayanti) dan akan menamatkan tempoh dua tahun sebagai Ketua Menteri (menerusi sistem penggiliran mewakili kuota Cina) pada 27 Mac ini, iaitu hanya 69 hari dari sekarang.

Mengikut persetujuan, tempatnya akan diambil alih oleh pemimpin Umno mewakili kuota Bumiputera Islam.

Sama ada secara kebetulan atau sebaliknya, kenyataan Tawfiq dalam satu majlis di Kudat seminggu kemudian (4 Januari) kononnya ada pihak tertentu di Sabah memperkecilkan kewibawaan Pengerusi Badan Perhubungan Umno

Sabah,

Datuk Musa Aman, juga dilihat oleh pemerhati politik sebagai berkaitan dengan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Kenyataan itu mengundang banyak reaksi - ada pro dan kontra. Paling ketara dengan nada lebih keras daripada Menteri di Jabatan Ketua Menteri merangkap Ketua Umno Bahagian Tawau, Datuk Abdul Ghapur Salleh, yang menuntut Tawfiq membuktikan dakwaannya itu.

Jika gagal, kata Ghapur, Tawfiq harus melepaskan jawatannya sebagai Ketua Pemuda Umno Sabah dan Ketua Pemuda Umno Tawau.

Bagi Ghapur, Tawfiq sewajarnya sensitif dengan perasaan pemimpin parti, khususnya pemimpin kanan serta veteran yang sebelum ini bekerja kuat membawa Umno ke Sabah.

Katanya lagi, adalah silap bagi Tawfiq sama ada dari segi politik atau moral untuk membangkitkan sentimen seperti itu kerana ia hanya menimbulkan keresahan Umno Sabah.

Sementara Tawfiq terus menyepi mengenai kenyataan kontroversinya itu, Naib Ketua Pemuda Umno negeri, Ahmad Mohd Said, cuba tampil menjernihkan keadaan dengan berkata bahawa `kenyataan Tawfiq itu adalah andaian dan tidak berniat ditujukan kepada mana-mana pihak, sama ada di dalam atau di luar Umno'.

Dalam konteks kepartian di Negeri Bawah Bayu yang sering dilanda ribut politik secara tiba-tiba, tidak sukar untuk memahami kenapa berlaku polemik sedemikian.

Setiap kali menjelang peralihan kuasa Ketua Menteri, ada saja khabar angin tersebar, surat layang bertukar tangan dan cerita dalil dijaja, termasuk yang bersifat peribadi dan tiada kaitan langsung dengan soal dasar dan falsafah perjuangan.

Hakikatnya, pertelagahan sesama sendiri, baik antara parti komponen atau pertikaian dalaman sesebuah parti tidak menguntungkan sesiapa. Sebaliknya, ia hanya mengundang bencana walaupun dalam senario sifar pembangkang di Sabah ketika ini.

Maka, kedatangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Sabah pertengahan bulan depan, dinantikan penuh minat oleh kerabat Barisan Nasional (BN) Sabah kerana ia diharap dapat meleraikan segala kemelut yang menyelimuti persada politik negeri ini.